

09/01/1997

3,000 penghuni diancam banjir kilat

TUARAN, Rabu - Kira-kira 1,000 rumah membabitkan 3,000 penduduk tempatan yang mendiami perkampungan di pinggir Sungai Tamparuli, kira-kira 38 kilometer dari sini diancam maut jika berlaku banjir kilat.

Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) Tamparuli, Sulaiman Sabri, berkata ada rumah di penempatan itu kini hanya mempunyai jarak kurang 30 meter dari tebing selepas sungai berkenaan mengalami hakisan.

"Kini, empat perkampungan iaitu Kampung Tamparuli, Telibong, Bantayan dan Damat yang wujud di pinggir Sungai Tamparuli dikenal pasti akan terjejas jika berlaku banjir kilat.

"Saya dapati kampung dengan kira-kira 1,000 rumah dengan 3,000 penduduk itu boleh terhakis sekelip mata jika bencana alam seperti ribut Greg, 26 Disember lalu melanda daerah ini pada masa depan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perlunya peraturan baru digubal melarang pembinaan penempatan di pinggir sungai sebagai usaha mengelak tragedi jika berlaku banjir.

Minggu lalu, Dr Mahathir berkata, rundingan perlu diadakan dengan kerajaan negeri kerana ia akan membabitkan masalah penempatan semula mereka yang sudah berkampung di pinggir sungai.

Menurut Sulaiman, hasil tinjauannya mendapati masalah yang serius itu menjejaskan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tamparuli di pinggir sungai berkenaan.

Selain itu, beberapa kemudahan asas jambatan gantung di empat kampung itu turut terjejas berikutan hakisan yang teruk kawasan tebing sungai.

Sehubungan itu, beliau menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah melakukan kajian teliti memastikan tahap keselamatan penduduk yang mendiami pinggir sungai di negeri itu sentiasa terjamin.

"Tindakan itu perlu disegerakan untuk mengelak kejadian banjir lumpur mengorbankan lebih 190 nyawa di Sungai Pampang, Keningau lebih dua minggu lalu berlaku di Tuaran, Tamparuli dan Kiulu," katanya.

Sulaiman berkata, kelewatan kerajaan bertindak menangani masalah penempatan di pinggir sungai itu menimbulkan kesulitan ke atasnya jika perkara buruk berlaku akan datang.

(END)